

Tolak bajet: HARAPAN main-main saja, kata PAS

MalaysiaKini.com

22 November, 2017

PAS mengesahkan sudah menetapkan pendirian awal untuk berkecuali dalam pengundian penerimaan bajet 2018.

Bagaimanapun, undian belah bahagi di peringkat kementerian, yang menyaksikan pembangkang kalah tipis hanya satu undi, adalah luar jangka dan mengejut, kata Pegawai Lajnah Hal Ehwal Parlimen PAS Syed Ahmad Fadhli.

Justeru, katanya, mereka tidak sempat “mengadakan mesyuarat *precouncil* bagi membuat keputusan secara kolektif”.

“Apa yang berlaku di dewan malam tadi telah menzahirkan hikmah besar di sebaliknya iaitu hasrat PAS untuk menjadi *king maker* (penentu) bukanlah omong kosong,” kata Syed Ahmad.

“Senario ini terbukti apabila walaupun hanya dengan dua orang sahaja ahli parlimen PAS berkecuali, ia menjadi penentu keputusan sama ada kerajaan berjaya meluluskan bajet atau Pakatan Harapan berjaya dalam operasi serang hendap undian belah bahagi tersebut.”

Timbalan Speaker Datuk Seri Dr Ronald Kiandee menerima cadangan undian belah bahagi daripada G Manivannan (PKR-Kapar) yang dibuat ketika Menteri KPDNKK Datuk Seri Hamzah Zainudin menggulung perbahasan RUU Perbekalan peringkat jawatankuasa bagi kementeriannya.

RUU Perbekalan untuk kementerian itu kemudian diluluskan selepas menerima 52 undian sokongan berbanding 51 undian bantahan.

Pembangkang hampir berjaya menolak bajet itu selepas enam wakil rakyat PAS yang berada dalam dewan ketika itu memilih mengundi menolaknya.

Bagaimanapun dua anggota parlimen PAS berkecuali, iaitu Naib Presiden PAS Idris Ahmad dan anggota parlimen Rantau Panjang Siti Zailah Mohd Yusoff.

Dalam kenyataan di Harakahdaily, Syed Ahmad juga mempersoalkan apa salahnya

dengan pendirian itu kerana PAS konsisten terhadapnya sejak belanjawan 2016 lagi.

Beliau juga sekali lagi menegaskan bahawa masih terdapat unsur bermanfaat dalam bajet seperti subsidi.

“Maka, PAS memilih untuk berkecuali iaitu tidak menyokong sepenuhnya dan menolak sepenuhnya Bajet tersebut,” katanya.

Syed Ahmad juga berkata terdapat beberapa kekeliruan dan penipuan fakta yang perlu diperjelaskan dalam isu itu.

Ia antaranya, kata Syed Ahmad, bukan berkaitan kos sara hidup dan harga petrol.

“Undian malam tadi adalah berkenaan meluluskan bajet untuk Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) beroperasi bagi tahun 2018,” katanya.

Beliau juga membangkitkan kandungan bajet RM1.43 bilion KPDNKK yang hendak diluluskan itu itu demi melaksanakan program pembangunan perdagangan dalam negeri, pembangunan koperasi, pendayaupayaan pengguna dan kecemerlangan organisasi.

Beliau juga mempersoalkan sama ada Pakatan Harapan benar-benar serius untuk menolak Bajet atau hanya “bersandiwara menipu rakyat?”

“Mengapa HARAPAN tidak pula meminta undian belah-bahagi setiap kali bajet Kementerian selesai dibahaskan?” katanya.

Semalam sahaja, katanya, terdapat tiga bajet kementerian dibahaskan iaitu Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan; Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dan Kementerian Kerja Raya.

“HARAPAN hanya meminta undian belah bahagi ketika bajet KPDNKK sahaja. Jelas, mereka hanya main-main sahaja sebenarnya,” katanya.

Copyright © 1999-2016 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <https://www.malysiakini.com/news/402916>